



Buletin **KERJA RAYA**

Edisi Julai-Ogos 2012 | ISSN : 1985-4595 | www.kkr.gov.my



TAHNIAH PLUS



Sidang Redaksi

Penasihat

Y.Bhg. Datuk Himmat Singh
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Ketua Pengarang

En. Devaraj Subramaniam

Pengarang

En. Mohd Rizal bin Hashim
En. Fauzi bin Baharudin
Pn. Aisah binti Ghazali
Pn. Asiah binti Badiuzaman
Pn. Azlina binti Yahya

Fotografi

En. Rosdin bin Sabni
Jurufoto, Unit Komunikasi Korporat
Unit Perpustakaan &
Sumber Jabatan Kerja Raya

Reka Bentuk/Pencetak

Marzuq Print & Trading
Tel: 03 6188 1131

Urusetia

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kerja Raya

Sidang Redaksi mengalu-alukan sebarang sumbangan artikel dan pandangan yang membina bagi mengemaskini serta mempertingkatkan lagi mutu penerbitan Buletin Kementerian Kerja Raya. Sumbangan artikel boleh dialamatkan kepada:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Kerja Raya,
Tingkat 6, Blok B, Kompleks Kerja Raya,
Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur.

Tel : 03-2771 4616 / 4619

Faks : 03-2711 1101

E-mel : pro@kk.gov.my
www.kkr.gov.my

Minda Pengarang

PENGHAYATAN PERAYAAN

Seluruh rakyat Malaysia telah menyambut perayaan Hari Raya Aidilfitri dan Hari Kemerdekaan ke-55. Apakah signifikan yang boleh diterjemahkan melalui sambutan tersebut? Sedar atau tidak, kita seluruh rakyat Malaysia sangat bertuah kerana pelbagai bangsa boleh sama-sama merayakan pelbagai perayaan dengan aman tanpa perlu melahirkan perasaan prejudis, bimbang dan takut. Sesungguhnya perayaan berkembar pada kali ini dapat menyedarkan kita semua bahawa segala kemeriahan dan keseronokan ini hanya boleh dinikmati didalam sebuah negara yang merdeka dan berdaulat!

Keamanan, keharmonian dan kedamaian yang dikecapi kini adalah hasil perjuangan tokoh-tokoh pejuang kemerdekaan terdahulu. Mereka telah membuka jalan dan ruang dengan mewariskan tanahair tercinta ini untuk ditadbir dan dipimpin mengikut acuan kita sendiri. Ia adalah hadiah paling tinggi nilainya untuk disyukuri dan menjadi tanggungjawab kita untuk terus memelihara dan melindunginya. Impaknya, kini kita dapat lihat perkembangan ekonomi yang pesat, taraf pendidikan meningkat, tahap keselamatan juga terkawal. Ini jelas kelihatan apabila setiap kali perayaan disambut, kita dapat meraikannya dengan kemeriahan namun penuh kesederhanaan.

Dikesempatan ini, sidang pengarang Buletin KKR ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya dan Hari Kemerdekaan ke-55 kepada seluruh warga Kementerian ini. Semoga perayaan berkembar ini memberikan seribu keinsafan dan kesedaran kepada kita kerana kegembiraan ini akan terus kekal sekiranya perpaduan terus dipupuk melalui penghayatan erti kemerdekaan.

Selamat Hari Raya Aidilfitri dan Hari Kemerdekaan ke-55!

~ pengarang ~



MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA MENTERI KERJA RAYA

KUALA LUMPUR, 6 Ogos – Menteri Kerja Raya, YB. Dato' Seri Shaziman Abu Mansor telah menghadiri Majlis Berbuka Puasa yang diadakan di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid hari ini bersama-sama para tetamu yang terdiri daripada warga Kementerian dan agensi.

Turut hadir pada majlis ini ialah Timbalan Menteri Kerja Raya, YB. Dato' Yong Khoon Seng. Ketibaan para tetamu kehormat telah disambut oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya (KKR), YBhg. Datuk Himmat Singh bersama-sama pengarah-pengarah jabatan dan agensi.



Pada majlis ini, YB. Menteri telah sudi untuk menyampaikan sumbangan kementerian kepada 57 penerima yang terdiri daripada 21 orang ibu tunggal dan 36 anak yatim dari kementerian dan jabatan. Para tetamu telah disajikan dengan menu masakan melayu untuk santapan berbuka puasa. Majlis ini diakhiri dengan para tetamu bersolat Maghrib, Isyak dan Tarawih di surau Jabatan Kerja Raya, tingkat 2, Blok F.





LEBUHRAYA MEX-PERSIMPANGAN BERTINGKAT DI SERI KEMBANGAN DIJANGKA SIAP 2015

SERI KEMBANGAN, 2 Julai – YB Dato' Seri Shaziman bin Abu Mansor, Menteri Kerja Raya telah mengadakan satu lawatan kerja ke tapak Pembinaan Persimpangan Bertingkat Lebuhraya Maju Expressway di Seri Kembangan yang akan dibina dalam tempoh dua tahun dan kerja-kerja pembinaan dijangka dimulakan pada Januari 2013 dan dijangka siap pada Januari 2015.

YB.Menteri memberitahu projek tersebut diyakini akan memberi manfaat kepada 68,000 orang penduduk kawasan berkenaan kerana pada masa ini penduduk perlu memandu sejauh 17 kilometer untuk menggunakan Lebuhraya MEX dengan melalui jalan B15 (Seri Kembangan ke Dengkil) dan jalan B16 (Serdang ke Seri Kembangan) hingga ke Persimpangan Bertingkat Putrajaya. Selain itu, faktor lain kepada pembinaan projek ini adalah tahap kesesakan trafik yang tinggi di jalan B16 yang mencapai tahap F pada waktu puncak iaitu sebanyak 14,600 kenderaan untuk setiap jam.

Pada ketika ini, LLM sedang dalam proses pengambilan tanah dan penyediaan rekabentuk. Pembinaan persimpangan ini melibatkan tanah seluas hampir 60 ekar. Disamping permohonan penduduk, Persimpangan Bertingkat ini turut dipohon oleh Kerajaan Negeri Selangor, Majlis perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Alice Smith International School dan IOI Corporation Berhad. Dengan adanya pembinaan ini, kesulitan akses untuk keluar dan masuk ke/dari Lebuhraya MEX akan dapat diatasi dan menambah keselesaan para pengguna serta penduduk sekitar.





RM37 JUTA DIAGIH KEPADA KONTRAKTOR KECIL

ALOR SETAR 16 Julai - Sebanyak 204 kerja penyelenggaraan jalan Persekutuan bernilai RM37.36 juta diagihkan menerusi sistem cabutan undi kepada kontraktor kelas D, E dan F di seluruh Semenanjung hari ini. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 19 kerja ditawarkan kepada kontraktor kelas D dan 22 kerja kepada pemegang lesen kelas E melalui sistem yang pertama kali dilaksanakan ke atas mereka manakala kontraktor kelas F sebanyak 163 kerja.

Menteri Kerja Raya, YB Dato' Seri Shaziman Abu Mansor berkata, pelaksanaan sistem cabutan undi itu dilakukan berikutan keputusan kerajaan menawarkan kerja-kerja kecil Persekutuan kepada kontraktor kecil bagi memberi peluang kepada mereka menguruskan projek berkenaan. Beliau berkata, kebanyakan kerja yang ditawarkan itu boleh dilaksanakan oleh syarikat kecil iaitu kelas D, E dan F, yang sebelum ini sama ada ditender atau dianugerahkan terus kepada syarikat konsesi.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan proses cabutan undi kerja penyelenggaraan jalan Persekutuan bagi negeri ini di Bangunan Persekutuan Alor Setar, di sini hari ini. Pada majlis itu, sebanyak 37 kontraktor kelas D dan 96 kelas E hadir mencabut undi bagi pelaksanaan enam kerja penyelenggaraan jalan Persekutuan bernilai kira-kira RM4 juta.





CADANGAN PEMBINAAN SUSUR KELUAR BERTOL KUNDANG DARI LEBUHRAYA LATAR

KUNDANG, 10 Ogos – Satu lawatan kerja ke tapak cadangan pembinaan susur keluar bertol dari Lebuhraya Latar ke Jalan B149, Kundang, Selangor telah diadakan oleh YB Dato' Seri Shaziman bin Abu Mansor, Menteri Kerja Raya hari ini.

Taklimat projek ini telah disampaikan oleh Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), YBhg. Dato' IR Haji Ismail bin Md. Salleh. Turut hadir bersama di majlis ini ialah Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani merangkap Ahli Parlimen Tanjung Karang, YB. Datuk Seri Haji Noh bin Omar.



MAJLIS BERBUKA PUASA PSKLM

PETALING JAYA, 9 Ogos – Majlis berbuka puasa anjuran Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah diadakan di Tropicana Golf and Country Resort hari ini.

Majlis ini telah dihadiri Menteri Kerja Raya, YB. Dato' Seri Shaziman Abu Mansor. Antara acara majlis adalah majlis penyerahan sumbangan kepada Rumah Pengasih melalui presiden Persatuan Pengasih, YBhg. Datuk Yunus Pathi dan juga sumbangan kepada Pusat Jagaan Lambaian Kasih. Majlis turut dihadiri pegawai kanan Kementerian dan pengurusan atasan syarikat-syarikat konsesi.





KARNIVAL SUKAN KERJA RAYA 2012



Kuala Terengganu, 11 Julai – Karnival Sukan Kerja Raya 2012 telah berlangsung dengan jayanya selama 4 hari bermula dari 11 hingga 14 Julai 2012 di beberapa lokasi sekitar Kuala Terengganu, Terengganu.





Dalam Karnival Sukan kali ini sebanyak 30 kontinjen yang terdiri daripada pasukan-pasukan di bawah Kementerian Kerja Raya dan Syarikat-syarikat Konsesi telah mengambil bahagian. Sebanyak 16 acara sukan telah dipertandingkan iaitu bola sepak, bola jaring, bola tampar lelaki, badminton, ping pong, sepak takraw, karom, futsal lelaki, bowling, dart, tarik tali, catur, golf dan boling padang beserta 2 acara yang baru diperkenalkan pada karnival kali ini iaitu bola tampar perempuan dan futsal perempuan. Dari keseluruhan acara ini, PLUS Expressway Berhad telah mengungguli kejohanan dengan 9 emas, diikuti KKR dengan 3 emas dan HCM Eng. Sdn. Bhd., Belati Wangsa (M) Sdn. Bhd., KESAS dan JKR dengan masing-masing memperoleh 1 emas.

Majlis perasmian pembukaan karnival ini telah berlangsung di Mini Stadium Universiti Malaysia Terengganu pada malam 11 Julai 2012 dan telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Himmatt Singh, KSU Kementerian Kerja Raya (KKR). YBhg. Datuk KSU juga telah sudi hadir pada Majlis Makan Malam yang telah diadakan pada malam 13 Julai 2012 di Dewan Konvensyen Taman Tamadun Islam (TTI), Kuala Terengganu.

Majlis Penutup karnival pula telah diadakan pada 14 Julai 2012 dan disempurnakan oleh YB. Dato' Seri Shaziman bin Abu Mansor, Menteri Kerja Raya. Pada majlis penutup ini, YB. Menteri telah sudi menyampaikan Anugerah Olahragawan kejohanan kepada Encik Md Obaidah bin Md Dasuki dari KKR, Olahragawati Cik Patil Humu binti Harun dari PLUS Expressway Berhad, Ketua Kontinjen PLUS Expressway Berhad selaku Johan Keseluruhan serta Ketua Kontinjen Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) selaku Johan Perbarisan.



ACARA SUKAN	EMAS	PERAK	GANGSA
Bola Sepak	HCM	PLUS	KKR / ROAD CARE
Boling Padang	JKR	PROLINTAS	KKR / LKSA
Bola Jaring	PLUS	KESAS	LLM / JKR
Golf	PLUS	KKR	HCM
Badminton	BELATI	KKR	PLUS / JKR
Ping Pong	PLUS	JKR	ANIH / LLM
Sepak Takraw	PLUS	JKR	KKR / LDP
Karom	PLUS	KKR	LLM / BESRAYA
Bowling	KKR	PLUS	ROADCARE
Dart	KKR	CIDB	PLUS / LLM
Tarik Tali	PLUS	KESAS	SPRINT
Cartur	KKR	PLUS	CIDB
Bola Tampar Lelaki	PLUS	KESAS	KKR / SELIA
Futsal Lelaki	KESAS	BELATI	TnG / HCM
Bola Tampar Wanita	PLUS	KKR	ANIH
Futsal Wanita	PLUS	JKR	ANIH

JOHAN KESELURUHAN : PLUS EXPRESSWAY BERHAD
OLAHRAGAWAN : MD OBAIDAH BIN MD DASUKI (KKR)
OLAHRAGAWATI : PATIL HUMU BINTI HARUN (PLUS)
JOHAN PERBARISAN : LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA



ALBUM



ALBUM





44 PESERTA MALAYSIA LAYAK KE PERTANDINGAN KEMAHIRAN ASEAN

Johor Bahru, 7 Julai - Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) dan Myskills Kali Ke-21 telah berlangsung pada 2 hingga 8 Julai 2012 di beberapa lokasi seperti di Akademi Binaan Malaysia Wilayah Selatan, Pusat Kemahiran Lanjutan (CIAS) Shah Alam, WISDEC Banting, dan Universiti Putra Malaysia (UPM). PKM merupakan satu inisiatif yang diletakkan di bawah program Skills Malaysia yang merupakan satu teras dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), iaitu membangun dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia.

Pertandingan ini dianjurkan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui CIDB, Akademi Binaan Malaysia (ABM) (Wilayah Selatan), dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia. KKR bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sembilan (9) bidang kemahiran berkaitan industri pembinaan dan Peringkat Akhir PKM dan Myskills 2012 Bidang Binaan telah diadakan pada 5 hingga 7 Julai 2012 di Kompleks Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Johor, Johor Bahru, Johor. YBhg. Datuk Ir. Hamzah Hasan, Pengerusi CIDB mewakili Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, YBhg. Datuk Himmat Singh, telah merasmikan pertandingan ini.

Seramai 144 orang peserta telah layak bertanding ke peringkat akhir ini. Seramai 44 peserta dari 22 bidang kemahiran akan dipilih mewakili Malaysia di ASEAN Skills Competition tahun 2012 (ASC 2012) yang akan diadakan di Jakarta, Indonesia pada 10 hingga 18 November 2012.



PERUNTUKAN RM11 JUTA NAIK TARAF JALAN DI SABAH

KENINGAU, 25 Jun - Kerajaan telah meluluskan Peruntukan sebanyak RM11 Juta untuk membolehkan projek naik taraf tiga jalan di Keningau, Sabah iaitu Jalan Mailo Sodomon, Jalan Biah Skim dan Jalan Linggaran Biah dapat dimulakan segera.

YB. Dato' Seri Shaziman bin Abu Mansor, Menteri Kerja Raya berkata kepada media semasa Lawatan Kerja sehari di Sabah. Tambah YB. Menteri, daripada jumlah itu, sebanyak RM2 juta akan diperuntukkan untuk Jalan Mailo Sodomon, RM3 juta untuk Jalan Biah Skim dan RM6 juta untuk Jalan Linggaran Biah.

Projek menaik taraf Jalan Mailo Sodomon sepanjang 1.85 kilometer telah pun dimulakan dan dijangka siap dalam tempoh sebulan. Manakala bagi projek menaik taraf Jalan Biah Skim sepanjang 5.23 kilometer pula, status projek ini masih diperingkat proses penyediaan dokumen tender.

Projek ini dijangka dapat dimulakan di tapak selewat-lewatnya pada bulan Ogos ini. Turut hadir dalam lawatan kerja tersebut, YBhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Pengarah Jabatan Kerja Raya Sabah, serta pegawai-pegawai kanan kementerian dan agensi.





MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN TAMBAHAN PERJANJIAN PENSWASTAAN PENYENGGARAAN JALAN PERSEKUTUAN SEMENANJUNG MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 3 Julai - Satu majlis menandatangani perjanjian tambahan kedua dan ketiga berkaitan Perjanjian Penswastaan Penyenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia telah diadakan di bilik Mesyuarat Seroja, Kementerian Kerja Raya antara Kerajaan Malaysia dengan syarikat konsesi swasta.

Untuk perjanjian tambahan kedua, perjanjian dimeterai antara Kerajaan Malaysia dengan syarikat konsesi Roadcare (M) Sdn. Bhd. dan Belati Wangsa (M) Sdn. Bhd., manakala perjanjian tambahan ketiga dengan syarikat Selia Selenggara Selatan Sdn. Bhd. Wakil Kerajaan ialah YBhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha Kementerian. Turut hadir pada majlis tersebut ialah YBhg. Dato' Haji Nasir bin Mat Dam, TKSU(P) bersama-sama dengan pegawai-pegawai kanan kementerian dan syarikat konsesi.



LAWATAN PANEL PENILAI SSR KE KKR

KUALA LUMPUR, 21 Jun – Kementerian Kerja Raya (KKR) telah menerima kunjungan oleh Pasukan Penilai, Penilaian Penarafan Bintang yang diketuai oleh Encik Shahrir bin Mohammad Zakey dari Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Pasukan ini terdiri daripada 10 orang pegawai yang terdiri daripada pelbagai Jabatan dan Agensi seperti MAMPU, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) dan Arkib Negara Malaysia.

Penilaian ini berlangsung bermula dari 18 hingga 21 Jun 2012 bertempat di Bilik Tanjung, Tingkat 6, Blok A, Kompleks Kerja Raya. Kunjungan ini bertujuan bagi menilai prestasi KKR bagi tahun 2011 sehingga tahun semasa bagi melayakkan penarafan Bintang diberikan ke atas Kementerian. Penarafan tertinggi adalah sebanyak lima (5) bintang dengan peratusan Markah Penilaian di antara 90% hingga 100%. Sebagai rekod, KKR telahpun berjaya memperolehi penarafan 5 bintang untuk dua kali berturut-turut sebelum ini.

Majlis *Exit Conference* bagi penilaian ini telah dihadiri oleh YBhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha KKR berserta pegawai-pegawai kanan Kementerian pada 21 Jun 2012. Segala penemuan dan teguran penambahbaikan sepanjang sesi penilaian ini telah dibentangkan oleh pasukan penilai pada majlis ini yang telah diadakan di Bilik Tanjung.



Keratan Akhbar

Tegang Kita

LPT2 lonjak ekonomi negeri

Terengganu melonjak jadi negeri maju



Kerajaan Terengganu telah mengumumkan bahawa LPT2 akan meningkatkan ekonomi negeri ini. Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Said berkata, LPT2 akan membuka akses kepada kawasan-kawasan yang sebelum ini terasing. Beliau berkata, LPT2 akan meningkatkan ekonomi negeri ini dan menjadikan Terengganu sebagai negeri maju.

Tingkatkan infrastruktur kampung

Yusoff Ismail (Menteri Besar Terengganu) dan Datuk Seri Ahmad Said (Menteri Besar Kedah) sedang berunding mengenai projek infrastruktur di kampung-kampung.



Free cards for highway users

SILK concessionaire hopes to increase Touch 'n Go usage

Currently, about 80% of motorists use SILK on this stretch of pavement and we hope to raise it to 95%.



Motorists will be able to use SILK on this stretch of pavement and we hope to raise it to 95%.

20-year-old contractor wins RM1.4m project

20-year-old contractor wins RM1.4m project



Perkhidmatan menukarkan telefon jadi peranti tanpa sentuh

Telefon pintar Touch 'n Go

Perkhidmatan menukarkan telefon jadi peranti tanpa sentuh



204 projek penyelenggaraan jalan Persekutuan dibuat secara RM37j diagih kontrak

204 projek penyelenggaraan jalan Persekutuan dibuat secara RM37j diagih kontrak



New highway for Terengganu

REKABUAT The Terengganu government has allocated RM500 million to build a highway connecting Hulu Terengganu and Hulu Besut. Work will commence soon.

Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Said said the highway linking Hulu Terengganu to Keruak, Hulu Besut, passing through Gemung Bongosa, would be built in stages, starting with the first 40km at a cost of RM110 million.

The groundbreaking for this project was held in Kuala Terengganu on Monday.

Datuk Seri Idris Jusoh in 2008. "This proves that the Barisan Nasional government makes good on its promises," he said after handing a cheque for RM1.4 million to 287 wives of settlers before breaking fast at Felda Tunang here yesterday.

Present were Idris, Hulu Besut assemblyman Nawi Mohamad and Besut district officer A. Rahim Jusoh.

Ahmad said the highway, which would also connect with Kelantan in Gus Musang, was expected to be ready in three or four years.

In another development, construction contracts worth RM330 million were awarded to a consortium of firms led by Sime Darby Construction. The project would be built in stages, while the hospital would be developed in phases.

He added that the project was approved to fulfil the state's commitment to improve its infrastructure.

Lega dapat papan tanda baru

Lega dapat papan tanda baru



Basikal PAS

Basikal PAS



Warnings issued to two construction companies in Tawau

Warnings issued to two construction companies in Tawau



Lebun ganjaran dengan PLUS Miles

Rebat tol lebih baik

Lebun ganjaran dengan PLUS Miles




Malaysia
Kementerian Kerja Raya
5 Bintang

ISSN 1985-4595



9 771985 459008